

06/10/2002

Parti komponen BN perlu berkorban: PM

KUALA LUMPUR: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu berkorban dan mengambil jalan tengah dalam menangani semua masalah yang membabitkan kepentingan kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, parti komponen BN tidak perlu berasa tertekan kerana bimbang hilang sokongan berikutan dasar diputuskan kerajaan tidak menepati kehendak komuniti yang mereka wakili.

Beliau menegaskan, segala keputusan kerajaan BN selama ini dibuat melalui persetujuan bersama antara parti komponen dan jika sesuatu isu itu tidak diterima, ia akan ditangguhkan dulu.

"Sebaik saja keputusan secara persetujuan bersama dibuat, semua pihak adalah tertakluk kepada keputusan itu dan perlu menyokongnya," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai nasihatnya kepada parti komponen BN ketika merasmikan persidangan itu supaya tidak berasa bimbang dan tergugat apabila mereka diugut sesetengah pihak termasuk puak ekstremis kaum atau agama yang ada dalam semua masyarakat di negara ini.

Ketika ditanya sama ada dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik tidak mendapat sokongan sepenuhnya parti komponen BN, Dr Mahathir berkata jika timbul masalah dalam sesuatu isu, perkara itu boleh diputuskan melalui persetujuan bersama.

"Dalam isu bahasa Inggeris, tidak wujud isu penolakan di kalangan parti komponen BN, sebaliknya semua parti komponen lebih berminat untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana cara pelaksanaan pembelajaran itu.

"Semua pihak sudah bersetuju mengenai kepentingan dan kebolehan bahasa Inggeris. Kaedah pelaksanaannya yang belum diputuskan lagi," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata semua parti komponen BN harus bersedia menghadapi cabaran masa depan termasuk tekanan kumpulan ekstremis kaum dan agama serta kefanatikan berpolitik.

Katanya, puak ekstremis seumpama itu amat berbahaya kepada masyarakat negara ini yang berbilang kaum dan jika tidak ditangani, akan mencetuskan huru-hara kaum atau agama.

"Puak-puak ini sebenarnya mempunyai pandangan singkat dan pemikiran yang sempit.

Justeru itu, saya menyeru semua parti komponen BN supaya bertindak lebih berani dan sentiasa bersatu dalam memperjuangkan matlamat dan cita-cita BN untuk melahirkan masyarakat yang satu hati dan hidup dalam keadaan aman sejahtera, selamat, maju dan makmur," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, semua kemajuan negara yang dicapai sejak kemerdekaan 45 tahun lalu adalah hasil pemerintahan cekap dan bijaksana kerajaan BN.

Kerajaan telah mengadakan pelbagai pelan pembangunan seperti rancangan Malaysia lima tahun, 10 tahun dan 20 tahun umpamanya Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara untuk membina rakyat dan memakmurkan negara.

"Kejayaan ini dengan sendirinya menafikan tuduhan atau tohmahan pelbagai pihak, terutamanya parti-parti pembangkang serta puak-puak ekstremis kaum atau agama, bahawa pembangunan atau dasar-dasar kerajaan kononnya menyusah atau membebankan rakyat.

"Kerajaan sering dituduh melakukan diskriminasi kaum, budaya, bahasa dan agama. Tuduhan-tuduhan ini bukan saja dilemparkan oleh rakyat tempatan malah juga orang asing yang tidak senang dengan kemajuan rakyat dan negara

kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain perancangan baik kerajaan, sikap toleransi, kerjasama dan perpaduan erat semua parti komponen BN juga menjadi satu daripada faktor membantu pembangunan pesat negara.

Katanya, sokongan bulat parti komponen BN kepada apa saja dasar atau tindakan yang diputuskan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara, telah menjamin kelancaran sesuatu perancangan atau tindakan kerajaan.

"Kerana itu, persefahaman antara parti-parti komponen amat penting dan harus terus dipelihara. Parti komponen BN juga tahu batasan mereka apabila membuat tuntutan bagi pihak penyokong mereka.

"Semangat ini dapat mengelakkan ikatan BN menjadi lemah akibat mana-mana parti komponen membuat tuntutan atau mengambil tindakan melampau, katanya.